HIDUP BERSATU NEGARA BERTAMBAH MAJU

Musa: Bahaya kalau ahli Umno berpecah

KANGAR, Ahad — Keselamatan dan keteteraman negara akan terjejas sekiranya orang Melayu, khususnya ahli-ahli UMNO berpecah belah, demikian ditegaskan oleh Datuk Musa Hitam.

"Kalau kita tidak berwaspada kegiatan musuh dan lain-lain bentuk ancaman, masyarakat Melayu akan berpecah belah," kata Timbalan Perdana Menteri.

"Bila kita tidak bersatu, keselamatan negara kita tidak lagi kekal dan yang rugi ialah kita sendiri," kata beliau kepada hampir 5,000 yang menyambut ketibaannya di Stadium Datuk Sheikh Ahmad di sini hari ini.

Ketibaan Timbalan Perdana Menteri dengan pesawat Nuri TUDM tepat jam 12 tengahari dari Kepala Batas, Alor Setar untuk lawatan rasmi dua hari ke negeri ini disambut oleh Pemangku Menteri Besar, Haji Ali Ahmad.

Datuk Musa mengingatkan rakyat negeri ini, terutamanya orang Melayu supaya berhati-hati, kerana tidak ada cara musuh mencapai kejayaan melainkan dengan memecahbelahkan mereka.

Katanya, penting mereka bersatu agar tidak mudah ditembusi musuh sama ada melalui usaha-usaha subversif atau perjuangan bersenjata untuk mewujudkan huru hara di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri berharap, rakyat Malaysia berbilang kaum khususnya di negeri Perlis, yang merupakan negeri barisan depan akan bersatu menangkis ancaman komunis yang datang dari sempadan Thai.

Beliau menekankan, perlunya rakyat berbilang keturunan di negeri Perlis mengekalkan perpaduan.

Rakyat berbilang kaum seperti yang berhimpun di stadium mengalu-alukan ketibaannya, ujarnya, mempamerkan simbol perpaduan yang wujud di negeri ini.

Menyentuh lawatannya ke Perlis, negeri kedua selepas Johor setelah dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa berkata:

"Ini membuktikan kepada rakyat Perlis, Kerajaan Pusat yang baru di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad penuh tekad menjaga kepentingan seluruh negara terutama negeri-negeri kecil dan yang dianggap tercicir dalam pembangunan.

"Dari angka-angka yang ada di tangan kerajaan, Perlis merupakan negeri kedua di Malaysia tertinggal selepas Kelantan," katanya.

"Lawatan saya ini meskipun singkat, membuktikan Kerajaan Pusat mengambil berat soal pembangunan negeri-negeri yang mundur seperti Perlis," tambahnya.

Datuk Musa berharap, beliau akan berpeluang meninjau keadaan keselamatan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh Perlis di bidang pembangunan bersama pemimpin-pemimpin kerajaan negeri.

Katanya, rakyat negeri ini hendaklah bekerjasama membangunkan Perlis yang mundur.

Turut menyambut Timbalan Perdana Menteri yang diiringi oleh Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Encik Sanusi Junid ialah Speaker Dewan Undangan Negeri, Encik Mahmood Haji Hashim, ahli-ahli Exco, wakil-wakil rakyat dan pemimpin-pemimpin masyarakat.

Sejurus selepas bersalaman dengan pemimpin Barisan Nasional, dan pembesar-pembesa negeri, Datuk Musa memeriksa barisan kehormatan terdiri 340 orang ahli Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO, MCA dan MIC.

Datuk Musa kemudian diterima mengadap Raja Muda Perlis di Istana Kangar dan mengunjungi Menteri Besar, Datuk Haji Jaafar Hassan yang sedang bercuti sakit di kediamannya di sini.

Di sebelah petang, Timbalan Perdana Menteri menghadiri taklimat tertutup perancangan dan pembangunan negeri Perlis di Dewan Sivik Jabatan Penerangan.

Ini diikuti majlis jamuan teh tertutup dengan Jawatankuasa UMNO Bahagian Kangar dan Arau di rumah tetamu.

Difahamkan Datuk Musa yang juga Timbalan Presiden UMNO membincangkan masalah politik Perlis dan kedudukan Menteri Besar.

RAMALAN CUACA, OMBAK PASANG SURUT

JABATAN Kajicuaca Kementerian Pengangkutan meramalkan Pulau Pinang, kawasan pantai Kedah, Perlis dan Perak hujan renyai-renyai di satu dua tempat pada awal pagi dan tempat lain dijangka tidak hujan, begitu juga di Sabah dan Sarawak.

Selat Melaka, Laut China Selatan dan Laut Sulu bergelora antara 0.5 hingga satu meter.

Ramalan cuaca sepenuhnya mulai jam 6 pagi ini sehingga 6 pagi esok yang dikeluarkan adalah seperti berikut:

CUACA

●Sebelah pagi: Semenanjung — Pulau Pinang, Kawasan Pantai Kedah, Perlis dan Perak hujan renyai-renyai di satu dua tempat pada awal pagi. Lain-lain tempat tiada hujan.

Sabah dan Sarawak — kedua negeri tersebut tiada hujan.

● Petang: Semenanjung — Kelantan, Trengganu, Pahang, Perlis, Kedah dan Perak Utara, ribut petir di beberapa tempat lewat petang dan senja. Lain-lain tempat tiada hujan.

Sabah dan Sarawak Bahagian 1,2,3,4 dan 6 Sarawak, ribut petir atau hujan panas satu dua tempat lewat petang dan senja. Lain-lain tempat tiada hujan.

Di Sabah — Bahagian pedalaman Pantai Barat, ribut petir atau hujan panas di satu dua tempat di kawasan pantai pada awal petang atau senja. Lain-lain tempat tiada hujan.

ANGIN

●Semenanjung — Angin bertiup antara 10 hingga 15 kilometer sejam di Selat Melaka dan begitu juga keadaan angin Laut China Selatan.

● Sabah dan Sarawak — keadaan angin bertiup antara 10 hingga 15 kilometer sejam di Laut China Selatan dan begitu juga keadaan tiupan angin di Laut Sulu.

KEADAAN LAUT

●Selat Melaka dijangka bergelora 0.5 hingga 1 meter dan begitu juga keadaan Laut China Selatan.

●Kesedaan laut di Sabah dan Sarawak juga bergelora antara 0.5 hingga 1 meter dan begitu juga keadaan Laut Sulu.

PASANG SURUT

MUSA LAWAT PERLIS

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam (bersongkok) disambut oleh Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Encik Sanusi Junid (kiri beliau) setibanya di Lapanganterbang Kepala Batas, Alor Setar tengahari semalam.

Datuk Musa kemudian menaiki helikopter ke Kangar untuk memulakan lawatan rasmi dua hari ke Perlis. — Gambar Berita Harian.

Rafidah pulihkan permit teksi ikut pangkalan

ALOR SETAR, Ahad — Kementerian Perusahaan Awam akan meneliti dan mengesan dengan cermat kelulusan permit-permit teksi dan kereta sewa di masa akan datang bagi mempastikan pengeluaran tambahannya akan selaras dengan keperluan di satu-satu tempat.

Menteri Datin Paduka Rafidah Aziz berkata, langkah tersebut dilakukan dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri melalui jawatankuasa penentu matalamat angka bilangan teksi dan kereta sewa di peringkat negeri.

Berucap merasmikan mesyuarat agung Persatuan Tuanpunya dan Pemandu Kereta Sewa Luar Bandar Kedah Utara di sini malam tadi, Datin Paduka Rafidah berkata, langkah itu juga bertujuan mempastikan mutu pencarian pemandu-pemandu yang membawa teksi dan kereta sewa sekarang tidak terjejas.

"Saya telah memutuskan supaya dihidupkan semula konsep memberi permit teksi mengikut pangkalan bagi menjamin setiap tempat yang memerlukan teksi akan mendapat perkhidmatan teksi."

Pangkalan

Pulau Pinang dan Ipoh, pekan-pekan kecil, kawasan luar bandar serta kenderaan yang bergerak merentangi seluruh negara.

Menteri itu menjelaskan, pasukan petugas tersebut akan menentukan jenis-jenis kenderaan yang sesuai, cara pengendalian sistem pengangkutan yang berkenaan, pengurusan kolektif, pengurusan awam atau awam dan swasta.

Petugas

Yang pentingnya, ujar beliau, langkah itu akan menentukan bidang perjalanan masing-masing agar tidak bertindeh atau bertelingkah antara satu sama lain.

"Buat masa itu tindakan-tindakan masih merupakan secara jangka pendek dan memenuhi kehendak-kehendak sementara, seperti perkhidmatan bas-bas..."

Biro Buruh Umno tidak berniat jadi hero: Zain

PULAU PINANG, Ahad — Biro Buruh UMNO tidak pernah berniat hendak menjadi "hero" golongan pekerja atau mencari nama untuk politik, kata Pengerusi Biro Buruh Badan Perhubungan UMNO Negeri ini, Encik Zain bin Haji Omar.

"Penubuhannya di peringkat pusat, negeri dan bahagian tidak bertujuan hendak menjadi "hero" pekerja dengan menggugat atau campurtangan dalam urusan pentadbiran majikan dan perusahaan di negara ini," katanya.

Biro itu juga, katanya, bukan ditubuh dengan tujuan hendak mencari nama atau publisiti untuk mempopularkan UMNO di kalangan orang ramai.

Beliau berkata, penubuhannya di semua peringkat semata-mata untuk menjadi pengawas memastikan semua dasar Kerajaan mengenai perburuhan dilaksanakan dengan sempurna.

Encik Zain berkata demikian di majlis penerangan dan dialog antara Biro Buruh Pemuda dan Badan Perhubungan UMNO Negeri dengan pekerja-pekerja kilang di Rumah UMNO Negeri di sini hari ini.

Kira-kira 100 orang wakil pekerja kilang perusahaan di negeri ini hadir dalam pertemuan tersebut. Turut hadir ialah wakil-wakil dari Jabatan Buruh dan Jabatan Perhubungan Perusahaan Negeri.

Tugas Biro Buruh UMNO, kata beliau, ialah mengawasi semua aspek yang bersangkut dengan perburuhan supaya para pekerja di negeri ini sentiasa dilindungi oleh undang-undang dan selaras dengan dasar Kerajaan yang UMNO menjadi tunggaknya.

Beliau yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri berkata, "Kami terpaksa berdepan bukan saja dengan penyelewengan terhadap dasar yang ditentukan, juga penindasan, pilih kasih, dan tekanan oleh majikan yang tidak bertanggungjawab," katanya.

Katanya, untuk menyelesaikan masalah yang rumit ini, tindakan Biro Buruh UMNO berbeda-beda antara satu kes dengan kes yang lain.

"Ada kes yang kita

5 syarikat nelayan bantah lesen pukat tunda

Keadaan pekerja2 di Lembaga Air S'pura akan dikaji

KUALA LUMPUR, Ahad — Kerajaan akan mengkaji keadaan pekerja Malaysia yang berkhidmat dengan Lembaga Air Singapura di Johor yang kini dinaungi oleh Kesatuan Sekerja Republik itu, kata Presiden Cuepacs, Encik T. Narendran semalam.

"Mengikut undang-undang, pekerja tersebut patut di uruskan oleh kesatuan sekerja negeri ini," katanya.

Cuepacs membawa perkara tersebut ke pengetahuan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Richard Ho semasa bermesyuarat di sini pagi semalam.

Gadis mati terminum cuka getah

SIMPANG RENGGAM,

Umno Johor ajak semua ahli bantu daftar pengundi

JOHOR BAHRU, Ahad — Ahli-ahli UMNO seluruh negeri ini diarah berkempen mengajak lebih ramai orang Melayu mendaftar sebagai pengundi.

Setiausaha Perhubungan UMNO Johor, Datuk Haji Abdul Rahman Mahmud memberitahu, arahan tersebut dikeluarkan sebaik sahaja Suruhanjaya Pilihanraya mengumumkan tempoh pendaftaran pengundi selama 42 hari mulai 17 Ogos lalu.

Jika perlu, kata beliau, ahli-ahli UMNO mestilah berkempen rumah ke rumah memujuk mereka yang berumur 21 tahun mendaftar.

Pendaftaran kali ini penting kerana besar kemungkinan pemilihan baru itu layak mengundi dalam pilihanraya akan datang yang dijangka tidak lama lagi.

Menurut beliau, peranan ahli-ahli UMNO memujuk orang Melayu mendaftar penting kerana masih ada yang engan berbuat demikian walaupun pusat pendaftaran berhampiran rumah mereka.

Ini terjadi mungkin kerana kurang faham peranan sebagai pengundi atau sengaja tidak mahu mengambil berat, kata Datuk Abdul Rahman.

Beliau berkata, jumlah orang Melayu mendaftar sebagai pengundi tahun lalu kurang berbanding dengan kaum

MAKTAB FEDERAL

Dapatkan STP Dengan Mudah!

Maktab Federal, sebuah bahagian khas kumpulan maktab-maktab Stamford yang memperkembangkan pelajaran menerusi bahasa Malaysia memudahkan anda mendapatkan Sijil Tinggi Persekolahan anda. Kami menyediakan guru-guru yang berpengalaman untuk menjamin kejayaan anda. Institut gayapos yang paling berpengalaman di rantau sebelah sini. Belajarlah di rumah dengan pelajaran-pelajaran yang mudah diikuti dalam Bahasa Malaysia. Lain-lain kursus yang boleh didapati:-

- Sijil Rendah Pelajaran
- Ujian Kelayakan
- Sijil Pelajaran Malaysia
- Bahasa Inggeris & Bahasa Malaysia (semua tingkatan)
- Ilmu Perdagangan dan Simpankira
- Kursus Intensif Bahasa Malaysia - Peringkat SPM

Kirim kupon hari ini

Guru Besar, Maktab Federal,
Bangunan Chartered Bank, Tingkat 2,
33-35 Jalan Ipoh, Kuala Lumpur 01-02.
Tel: 921986 atau Peti Surat 1082 K.L.

Tolong kirimkan senaskhah Buku Penerangan Maktab mengenai kursus Gayapos tuan.

Nama: .....

Alamat: .....

.....

Peperiksaan yang ingin saya ambil .....

PERUT SEGAH?

BAHAN PENCUCI YANG TERKEMUKA DI MALAYSIA

WAKIL TUNGGAL:
NAINA MOHAMED & SONS (M) SDN. BHD,
K.L. ● Penang ● Kuching

Ber

No. 8395

Mendaftarlah supaya anda dapat mengun

Gamba
menter
TV dia

Ole

KUALA
visyen
supaya
liputan b
menteri-
memberi
jek-proje

Berita H
dana Men
menonjolk
dalan ranca

RTM seba
bih banyak
tang kemaj
rancangan
seluruh neg
hari ini.

Menurut
penyiaran
kejayaan usa
hidup dan pe
hatian.

"Fokas ter
yang masih
mengalami ar
bertindak seba
tindang usaha
tersebut.

Di samping
mendengar be
dan kejayaan
sama ada di k
katanya.